

## SLIM, SEMPA ATAU TUN SABAN MANA YANG LEBIH SESUAI \*

Khazin Mohd. Tamrin

Rencana ringkas ini adalah bertujuan untuk meninjau asal-usul nama sebuah petempatan yang terkenal di Perak Selatan, iaitu *Slim River*. Oleh kerana tidak adanya kajian yang terperinci mengenai asal-usul nama petempatan ini menyebabkan timbul banyak kekeliruan. Ini menunjukkan kita masih banyak menghadapi masalah dari segi pemahaman dan pengetahuan tentang sejarah tempatan sendiri. Keadaan ini adalah kerana masih kurangnya penulisan sejarah yang menonjolkan asal-usul dan kemunculan sesebuah petempatan atau kawasan perkampungan. Nota ringkas ini adalah semata-mata untuk bertujuan menimbulkan minat di kalangan peminat-peminat sejarah dan penyelidik-penyelidik untuk menjalankan kajian mengenainya dengan lebih mendalam.

Di kalangan orang-orang Perak, terutama Perak Selatan lebih mengenali *Slim River* itu sebagai *Slim Riba*. Yang mana perkataan *river* itu dimelayukan menjadi *riba*, yang sudah tentu untuk tujuan memendekkan penyebutan mengikut lidah Melayu. Daripada perkataan *Slim River* sudah jelas menunjukkan bahawa ia adalah perkataan Inggeris yang bermaksud *Sungai Slim* (Selim).

Daripada penyelidikan ilmiah yang pernah dijalankan tentang Sejarah Perak<sup>1</sup> dan juga tulisan-tulisan mengenai Sejarah Perak yang lebih awal yang pernah diselenggarakan oleh beberapa pentadbir British di Malaya seperti Winstedt dan Wilkinson,<sup>2</sup> didapati tidak dapat memberikan perhatian yang sewajarnya mengenai sejarah tempatan Perak. Walau bagaimanapun pada peringkat awal pentadbiran British di Tanah Melayu, terdapat beberapa orang British yang menjadi pegawai pentadbir yang telah membuat laporan hasil dari penjelajahannya ke beberapa kawasan pedalaman negeri Perak. Mereka telah mengembara melalui sungai dan singgah di beberapa buah kampung. Apa yang lebih menarik perhatian di sini ialah usaha-usaha mereka itu sentiasa dicatat dan kemudiannya diterbitkan untuk kepentingan pengetahuan bakal-

\* Judul ini adalah untuk meninjau sama ada perlunya nama *Slim* itu ditukar kepada nama lain. Perkara ini timbul beberapa tahun dulu di mana ada ura-ura supaya nama *Slim* itu diubah kepada nama yang lain. Antara dua nama yang dicadangkan ialah *Tun Saban* dan *Sempa*.

bakal pentadbir British yang baru hendak mengenali keadaan kehidupan masyarakat Melayu dan alam semulajadinya.. Usaha-usaha mereka amat berguna kepada kita dalam memberi maklumat mengenai kawasan yang kita persoalkan sekarang. Di antara pentadbir-pentadbir tersebut ialah Frank Swettenham dan H.W.C. Leech. Mereka adalah antara orang-orang Inggeris yang terawal mengetahui dan menulis mengenai keadaan kawasan, dan cara hidup masyarakat daerah Slim. Hasil dari lawatan dan jelajahan Frank Swettenham pada tahun 1875 telah diabadikan melalui rencananya yang berjudul 'Perak to Slim and Down the Slim and Bernam rivers,'<sup>3</sup> dan Leech pula telah menghasilkan rencananya berjudul 'About Slim and Bernam'.<sup>4</sup>

Leech dalam pengembaraannya bersama seorang rakannya Mr. Smith ke Slim begitu tertarik dengan keindahan perkampungan lama di sini. Beliau telah singgah di kampung Changkat, yang diketuai oleh Penghulu Toh Sempuh. Di Daerah Slim didapati banyak perkampungan Melayu yang diduduki oleh orang-orang Mendiling. Pekerjaan utama mereka ialah menanam padi sawah. Hitung panjang hasilnya ialah kira-kira antara 800–1000 gantang pada satu relung. Ini menyebabkan ramai orang-orang dari kawasan Bernam membeli beras di Slim. Keadaan ini telah disifatkan oleh Leech sebagai lambang kemakmuran penduduk Slim yang mana antara lain katanya '... the people grow more food than they consume'.<sup>5</sup> Begitu juga dengan keadaan orang-orang asli di Slim dikatakan sebagai 'Well-fed', dan 'healthy race' jika dibandingkan dengan kawasan lain.<sup>6</sup>

Antara tokoh terkemuka kawasan Slim yang menarik ialah seorang yang bernama Datuk Sempuh (Sempa). Menurut Leech,


'... he is an oldman, but full of energy, one of the finest specimens of Malay I have ever met. Unlike the generality of his countrymen, who have seldom or never been beyond their own immediate neighbourhood, he has wondered the whole peninsula, from Siam to Johor... he speaks *Sakei*, fluently, and possesses great influence with these people. I found him an invaluable guide and companion on my return journey. For anyone wishing to explore the still, unknown mountain regions of the peninsula, or to study the habits and custome of the *Sakei*, a better guide could not be obtained than TOH SEMPUH'.<sup>7</sup>

### *Slim, Sempa atau Tun Saban*

menurut Frank Swettenham '.... Slim might almost be a village in Switzerland.'<sup>8</sup> Ini menunjukkan betapa indahnya keadaan di sekitar daerah Slim. Dilihat dari sebuah bukit, kawasan Slim River telah digambarkan sebagai 'an outlandish Spot' dan juga 'This place' is the picture of rest and beauty....'.<sup>9</sup> Beliau juga sempat menemui Tok Sempuh yang memegang jawatan Penghulu Slim selama lapan keturunan Sultan, merupakan orang yang mula-mula membuka Slim. Sebahagian daripada penduduk Slim terdiri dari pada orang-orang Asli<sup>10</sup> yang berjumlah kira-kira 3,000 orang dan di kawasan bukit-bukit Slim, Batang Padang, Bidor dan Sungkai berjumlah sehingga 10,000 orang<sup>11</sup> mereka diketuai oleh seorang yang bergelar *Menteri*. Hubungan antara orang-orang Asli dengan orang Melayu adalah sentiasa dalam keadaan yang muhibah.

Dalam rencananya Swettenham ada juga membuat peta yang menunjukkan kedudukan dan Kuala Slim. Yang menarik di sini ialah catatan yang digunakan dalam peta untuk merujuk tiap-tiap sungai itu tidak menggunakan bahasa Inggeris iaitu river tetapi digunakan huruf pendek (short-form) 'S' yang menunjukkan sungai. Ini menunjukkan bahawa nama *Slim* itu bukanlah berasal dari perkataan nama Inggeris, tetapi memang berasal dari nama Melayu yang telah salah tafsir dari nama seorang Inggeris yang bernama Slim.

#### CHANGKAT LELA



Peta yang dilukis oleh Frank Swettenham yang menunjukkan kawasan yang dijelajahi oleh beliau dalam tahun 1875.

Menurut R. Duraisingam<sup>12</sup> pernah menyebut dalam bukunya bahawa asal-usul nama Slim ialah dari perkataan Melayu yang merujuk kepada ukuran sukatimbang iaitu *Seling* yang bererti *Satu Ling*. Sukatan ini biasanya digunakan oleh masyarakat Melayu untuk menyukat beras atau padi, tepung, gula dan sebagainya. Oleh kerana nama *Slim* juga bukan dari perkataan Orang Semai atau Orang Asli lain,<sup>13</sup> adalah sah menunjukkan bahawa Slim adalah memang berasal dari perkataan Melayu, '*Seling*' yang disilap sebutkan oleh orang-orang Inggeris sebagai Slim. Malahan sebelum kedatangan Frank Swettenham dan Leech ke kawasan ini, tidak terdapat pun seorang Inggeris yang sampai di situ, apatah lagi wujudnya nama orang Inggeris yang disebut sebagai Mr. Slim. Ini menunjukkan bahawa nama Slim itu memang sudah wujud sebelum kedatangan orang-orang British ke daerah tersebut. Oleh itu adalah dicadangkan supaya nama *Slim* itu dikenalkan, sekiranya hendak diubah kepada nama Melayunya hendaklah ditukar ejaannya kepada *Selim* atau *Seling*, misalnya *Sungai Selim* atau *Sungai Seling* dan *Pekan Selim* atau *Pekan Seling*.

#### TUN SABAN

Tokoh ini pernah disebut sebagai seorang pembesar yang terpenting di negeri Perak. Malahan R.O. Winstedt ada memberikan sebuah rajah keturunan salah seorang pembesar berlapan Perak adalah dari keturunan Tun Saban. Begitu juga Wilkinson menyatakan '.... the most powerful of these chiefs (orang besar berlapan) claimed direct descent from Tun Saban, ...'<sup>14</sup>

Selain daripada dua rajah menunjukkan keturunan Tun Saban, gelaran Datuk Penghulu Kinta, juga dikatakan dari keturunan beliau,<sup>15</sup> Winstedt tidak memberi latar belakang kepentingan peranan Tun Saban dalam masyarakat Perak amnya dan daerah Slim khasnya. Namun demikian terdapat cerita-cerita dongeng mengenai peranan Tun Saban. Dari sebuah kajian latihan ilmiah oleh Petri Noor Jaliah Megat Adnan, 'Golongan Megat di dalam Pemerintahan Perak 1550–1970', latihan ilmiah yang tidak diterbitkan, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1978, ada menggalurkan serba sedikit tentang Tun Saban. Menurut kajian ini, Tun Saban pernah menjadi Bendahara Perak sebelum jawatan ini diambil oleh golongan Megat.<sup>16</sup> Tun Saban pernah memegang dan mentadbirkan daerah Hulu Perak.<sup>17</sup> Beliau dikatakan mempunyai pertalian darah dengan dengan Tun Perak, Bendahara Melaka. Apabila Melaka dikalahkan oleh Portugis, beliau telah sama-sama lari ke Kampar dan dari sini beliau berhijrah ke Perak sebagai seorang peniaga bersama-sama keluarganya. Beliau telah membuat perkampungan di Cangkat Merah (Hulu Perak). Tun Saban dikata-

**Rajah Keluarga Tun Saban yang memegang  
gelaran-gelaran seperti Sri Narawapa  
dan juga Sri Adika Raja.**

---



**Rajah Keturunan Orang Kaya-kaya  
Bukit Gantang, Sri Amar Diraja**

---



Sumber: Winstedt, *op. cit.* h. 153.

kan pernah berperanan sebagai orang yang bertanggungjawab dalam mengumpulkan ketua-ketua daerah Kinta, Krian, Selinsing, Bruas dan Majung, bermuafakat untuk mengambil Raja Muzaffar, anak Sultan Mahmud di Kampar untuk menjadi Raja di Perak.<sup>19</sup> Tetapi menurut *Sejarah Melayu*,<sup>20</sup> Raja Muzaffar telah dihalau keluar dari Kampar oleh Pembesar-pembesar Sultan Mahmud, selepas kemangkatan Sultan Mahmud.

Raja Muzaffar telah menjadi seorang peniaga di Siak dan berhijrah ke Kelang yang bertemu dengan Si Tumi; (Pedagang dari Manjong) yang merajakan baginda di Perak dengan gelaran Sultan Muzaffar Shah.<sup>21</sup>

Dalam masa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah, telah berlaku perselisihan antara Sultan dan Tun Saban atas soal penolakan perminangan Sultan ke atas anak Tun Saban. Pengambilan anak perempuan Tun Saban sebagai gundik Sultan tanpa pengetahuan Tun Saban telah menyebabkan berlaku perang antara Tun Saban dengan Sultan. Kekuatan pasukan Tun Saban di Kubu Cangkat Merah dan Temung telah menyebabkan Sultan memerintahkan orang yang dapat membunuh Tun Saban akan diberi kurnia dan jawatan Bendahara. Satu lagi versi mengenai perselisihan Sultan dengan Tun Saban ialah kerana hampanya cita-cita Tun Saban atas janji Sultan yang berkahwin dengan anaknya Tun Merah, untuk melantik cucu lelakinya sebagai pengganti Raja telah diketepikan oleh pembesar-pembesar Perak. Walau bagaimanapun dua-dua versi itu menunjukkan bahawa Megat Terawislah yang membunuh Tun Saban. Daripada cerita-cerita yang dipadankan dari lisan dan dongeng Perak, yang jelas bahawa Tun Saban pernah bergelaran sebagai Bendahara Perak.<sup>22</sup> Namun demikian, setakat ini tidak dapat digambarkan dengan jelas sejauh manakah peranan dan bakti beliau sebagai seorang pembesar kepada rakyat Perak, khususnya dari segi sosial dan ekonomi. Oleh kerana tiadanya sumber-sumber yang konkret dan jelas akan peranan-peranan beliau, dari segi sejarah Perak umumnya dan Slim khususnya, adalah agak tidak menepati sekiranya nama *Slim* ditukar kepada *Tun Saban*. Bukan sahaja tidak ada kenyataan yang jelas dalam urutan sejarahnya, malahan agak janggal bunyinya.

#### SEMPA

Sempa dikatakan adalah salah sebuah tempat dan perkampungan yang tua di Slim. Walau bagaimanapun, dalam rekod-rekod dan laporan pengembaraan tidak diperlihatkan adanya nama ini. Nama demikian kemungkinannya ia berasal demi nama *Tok Sempuh*, tetapi ini mustahil kerana Tok Sempuh sendiri tinggal di kam-

pung Cangkat. Walau bagaimanapun dari sumber Tradisi Lisan dapat menunjukkan adanya kegiatan-kegiatan awal yang membawa kepada terbukanya perkampungan ini.

Menurut sumber Tradisi Lisan itu dikatakan Sempa adalah diper-cayai berasal dari perkataan Orang Asli. Walaupun pada asalnya kawasan ini pernah diduduki oleh orang-orang Melayu, tetapi sekarang ia telah lama ditinggalkan. Sebelum kedatangan orang-orang Melayu ke kawasan ini memang sudah ada penduduk yang terdiri dari Orang-orang Asli.

Satu versi yang lain pernah menyatakan bahawa di kawasan ini terdapat sejenis pokok durian yang disebut di kalangan orang-orang tempatan sebagai *Durian Sempa*. Durian jenis ini memang mempunyai bau yang sangat kuat daripada durian biasa, tetapi rasa tidak enak, oleh itu ia tidak digemari di kalangan penduduk tempatan. Jadi di sini timbul persoalan, adakah nama *Sempa* itu berasal dari nama pokok *Durian Sempa*? Hasil dari penyelidikan didapati amat sukar untuk dibuat keputusan muktamad, kerana kajian asal-usul dan kemunculan nama tempat yang telah ditelan masa begitu lama adalah amat sukar untuk dikesan. Hanya melalui penyelidikan yang agak lama dan terperinci sahaja yang boleh memberi mak-lumat dan cahaya wujudnya sesuatu nama itu.

#### KESIMPULAN

Daripada pemeriksaan terhadap rekod-rekod rasmi seperti fail Setiausaha Kerajaan, laporan tahunan dan lain laporan-laporan yang pernah ditulis oleh pengembara-pengembara barat dan timur serta dari beberapa kajian ilmiah mengenai masyarakat di kawasan Slim dan juga laporan dari Jabatan Orang Asli, Kuala Lumpur, dapatlah dibuat satu rumusan mengenai sejarah dan latar belakang asal-usul nama *Slim River*, *Sempa* dan peranan *Tun Saban*.

Slim River adalah dapat disahkan memang berasal dari perkataan Melayu yang berdasarkan dari ukuran Sukatan iaitu *Selim* atau *Seling* atau *Satu Ling*. Biasanya ukuran ini digunakan untuk menyukat padi atau beras. Ini amat sesuai dengan cara kehidupan ekonomi masyarakat Melayu dan tempatan khususnya yang memang bergantung kepada pertanian pada. Sementara itu kedatangan Pentadbir barat yang melawat kawasan ini seperti Leech, Manakala Swettenham sendiri dalam petanya telah menggunakan nama *S. Slim* ('S' adalah menunjukkan Sungai). Sementara itu sebenarnya memang tidak ada nama orang Inggeris yang bernama *Slim* di kawasan ini sama ada sebelum atau selepas lawatan ketiga tiga orang Inggeris tadi. Oleh itu sah bahawa nama *Slim* yang terkenal sekarang adalah merupakan dari sebutan untuk *Seling*. Jelas

sebutan *Slim* ini digunakan oleh orang-orang Inggeris yang kemudiannya dibiasakan hingga sekarang.

Mengenai *Tun Saban*, dari Tradisi Lisan dan historiografi lama jelas ia adalah salah seorang dari pembesar penting di Perak. Namun demikian peranannya dalam politik, ekonomi dan sosial Perak masih tidak jelas. Manakala *Sempa* pula kepentingan sejarahnya adalah tidak begitu menarik di samping asal-usulnya yang masih belum dapat dipastikan lagi dengan tepat.

Oleh itu memandangkan bukti-bukti yang ada setakat ini, adalah dicadangkan di antara ketiga-tiga nama di atas, *Slim*, *Tun Saban* dan *Sempa*, lebih baik dikekalkan nama yang lama iaitu *Slim*. Sekiranya hendak diubah, haruslah kepada nama asalnya iaitu *Seling* atau dibetulkan ejaan *Slim* kepada *Selim*.

#### Nota

1. Lihat misalnya Khoo Kay Kim, 'Pengkajian dan Penulisan Sejarah Perak', *Malaysia Dari segi Sejarah* No. 10, 1981, h. 93–102. Di samping itu Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia juga pernah menjalankan kajian mengenai Sejarah Negeri Perak secara menyeluruh pada tahun 1974/75. Kajian ini telah dijalankan oleh mahasiswa-mahasiswa Tahun Kepujian. Dari tajuk-tajuk kajian latihan ilmiah ini juga masih amat kurang tajuk yang cuba untuk meneroka sejarah asal-usul sebuah penempatan.
2. Lihat R.O. Winstedt 'A History of Perak' JMBRAS, Vol. XII, Pt. 1, June, 1934. R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subject*, O.U.P. Kuala Lumpur, 1971.
3. Lihat di dalam JSBRAS., 5, 1880, h. 51–68.
4. Lihat di dalam JSBRAS, 4, 1879, h. 34–45.
5. H.W.C. Leech, 'About Slim and Bernam', JSBRAS, 4, Des, 1879, h. 36.
6. *Ibid.*, h. 44.
7. *Ibid.*, h. 38.
8. Frank Swettenham, 'Perak to Slim and down the Slim and Bernam rivers', JSBRAS, 5, 1880, h. 58.
9. *Ibid.*, h. 57–58.
10. Menurut Jabatan Orang Asli, sebahagian besar Orang-orang Asli di sini ialah orang Semai.
11. Swettenham *op. cit.*, h. 59.
12. *Malayan Place Names*, Singapore, 1957.
13. Kenyataan ini telah disahkan oleh Jabatan Orang Asli, Kuala Lumpur.
14. Wilkinson, *op. cit.*, h. 82.
15. *Ibid.*, h. 84.
16. C.C. Brown (ed.) *Malay Annals*, O.U.P., Kuala Lumpur, 1970, h. 188.

*Slim, Sempa atau Tun Saban*

17. N.A. Halim, 'Tun Saban Dibunuh Megat Terawis', *Dewan Masyarakat*, Mei, 1977, h. 41.
18. Petri Noor Jaliah Megat Adnan, 'Golongan Megat di dalam Pemerintahan Perak 1550–1970', Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan, Jabatan Sejarah, UKM, Bangi, 1978, h. 18.
19. Razman Abd. Hamid (penyusun), *Buku Cenderamata Pertabalan D.Y.M.M. Sultan Perak ke-33 Ipoh*, 1963, h. 34.
20. Abas Awang 'Sejarah Kuala Kangsar 1874', Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan, Jabatan Sejarah, UKM, KL. 1874, h. 30.
21. *Ibid.*, h. 189.
22. Wilkinson, *op. cit.*, h. 80.